




BIOGRAFI DATO' SERI UTAMA TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS

'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN

**BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS**

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

© Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, dengan tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penulisnya.

Cetakan pertama 2003
ISBN 983-2366-16-X

@ Dharmala N S

Diterbitkan oleh:

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan
Taman Seni Budaya
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
&
Kerajaan Negeri Sembilan

Dicetak oleh:
Percetakan Malindo Sdn Bhd
Lot 3, Jalan Ragum 15/17
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Panel Penerbitan
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus

Penasihat

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

Pengerusi Panel

DATO' DR RAMLI UJANG

Ketua Editor

DHARMALA N S

Anggota Redaksi

DATO' HAJI SUDIN KAMARI

DATO' PROF SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

DATO' PROF ABDUL SAMAD HADI

DATO' SERI MAHARAJA KHALID BONGET

DATO' SENARA MUDA PILUS MAARIS

HAJI MUHAMMAD YASSIN

HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN

DATO' LAKSAMANA HAJI ISMAIL ABDUL KADIR

DRS SHAMSUDDIN AHMAD

MD DARUS HAJI ABDUL MANAF

Daftar Isi



Bab 1	BERGURU KEPALANG AJAR	1
	- Anak Muda Julung Bertaji	
	- Tamu Di Seri Menanti	
	- Memecah Tradisi Adat	
Bab 2	ORANG TUA MENAHAN RAGAM	16
	- Apabila Mufti Tersinggung	
	- Wakil Ke Kuala Kangsar	
	- Tidur Di Atas Kerusi Sekolah	
Bab 3	GELOMBANG PERUBAHAN	31
	- Memikul Bateri Di Permatang	
	- Di Sebalik Kisah 'Juita'	
	- Kisah Seorang 'Kaki Bola'	
Bab 4	KE GUNUNG SAMA DIDAKI	45
	- Melukut Di Tepi Gantang	
	- Menunggu Kunjungan Tunku	
	- Kisah Dengan Dr Ismail	
	- Bahaman Shamsuddin Ke Teluk Anson	
Bab 5	KERUSI MENTERI BESAR	60
	- Genggam Bara Api	
	- Tunku Besar Ingatkan Khatib Hussein	
	- Menjalin Hubungan Ke Sumatera	

Bab 6	TUGAS SENDIRI DIKELEK	76
	- Misi Sulit Ke Sarawak	
	- Selepas Konfrantasi Sukarno	
	- Mencari Tanah Leluhur	
	- Minangkabau Terkenang Jua	
Bab 7	LURUS TALI LURUS SUMPITAN	92
	- Berbalah Dengan Sardon Jubir	
	- Timbalan Menteri Besar	
	- Pindah Ke Kerusi Parlimen	
Bab 8	MENGHADAPI SENARIO PERUBAHAN	108
	- Calon Ketua Pemuda	
	- Akhbar Suara Rakyat	
	- Timbalan Menteri Dalam Negeri	
Bab 9	JALAN SERIBU LIKU	124
	- Pak Lang Dari Negeri Sembilan	
	- Pertubuhan Nasrul Haq	
	- Anugerah Budayawan Gapena	
Bab10	LINGKUNG RUMPUN MELAYU	140
	- Memorandum Pemuda MCA	
	- Kontroversi Tokoh Belia	
	- Impian Dunia Melayu	
Bab 11	KESINAMBUNGAN PERJUANGAN	156
	- Telegram Seluruh Negara	
	- Selepas Tidak Jadi Menteri	
	- Kembali Menjadi Penulis	
Bab 12	GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM	172
	- Bertemu Shamsiah Fakeh	
	- Langkah Sama Menapak	
	- Gerila Melayu Di Negeri Sembilan	

Bab 13	DI BUMI MERDEKA	188
	- Pengerusi Bank Pembangunan	
	- Pengerusi Kraftangan Malaysia	
	- Sensitif Seorang Penulis	
	- Pengerusi Finas	
Bab 14	ASAM GARAM PERJUANGAN	204
	- Mencari Ganti Menteri Besar	
	- Senario Pilihanraya 1982	
	- Titah Ucapan Tuanku	
Bab 15	NAN SEBARIS TIDAK LUPA	222
	- Antara Jejak Ditinggalkan	
	- Dilipat Sebesar Kuku	
	- Senario Alaf Baru	

Tugas Sendiri Dikelek



"KERIA raja dijunjung, kerja sendiri dikelek," antara pepatah Melayu yang menjadi pegangan Tan Sri A Samad apabila memikul tanggungjawab dalam kerajaan dan Umno, parti politik yang didukungnya. Selain dipilih menduduki kerusi Exco kerajaan Negeri Sembilan selepas pilihanraya 1959, beliau juga dilantik oleh Tun Razak menganggotai biro politik di peringkat Pusat. Kepercayaan Tun Razak kepadanya meletakkan peranan Tan Sri A Samad dalam kepimpinan Umno Negeri Sembilan semakin kukuh.

Dalam masalah parti di Negeri Sembilan, Tun Razak lebih banyak merujuk kepada Tan Sri A Samad, manakala perkara-perkara yang berkaitan dengan kerajaan barulah dibincang bersama Menteri Besar (Tan Sri) Dr Mohd Said. Ketika kemelut penubuhan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku di Singapura pada 27 Mei 1961, Sarawak merupakan negeri yang banyak menimbulkan masalah. Sekali pun pemimpin-pemimpin kaum menyokong Sarawak menyertai ke dalam Malaysia, tetapi penyokong-penyokong mereka menghalang pemimpin-pemimpin terbabit keluar dari kawasan kediaman di pendalaman.

Pungutan suara adalah berdasarkan sokongan pemimpin-pemimpin kaum yang terdapat di kawasan pendalaman Sarawak. Sekiranya tidak mendapat sokongan dalam pungutan suara tersebut, isu penubuhan Malaysia akan tergugat. Sekitar tahun 1962, Presiden Sukarno di Indonesia sudah menyatakan bantahan dengan penubuhan Malaysia. Malah Presiden Diosdado Macapagal di Filipina pula membuat tuntutan ke atas Sabah sebagai sebahagian daripada wilayahnya. Tekanan dari dua orang presiden negara jiran ini menjejaskan usaha penubuhan Malaysia berjalan lancar.

Bagi mendapatkan sokongan padu dalam pungutan suara di Sarawak, Umno terpaksa turun ke Sarawak. Ketika itu Parti Bersatu

Rakyat Sarawak (SUPP) merupakan parti politik yang paling kuat menentang kemasukan Sarawak ke dalam Malaysia. SUPP yang dipimpin oleh Tan Sri Ong Kee Hui (bekas Menteri Sains dan Teknologi, kemudiannya menyertai BN) dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) pimpinan Datuk Stephen Kalong Ningkan adalah parti-parti politik yang berpengaruh di kalangan kaum-kaum utama di Sarawak ketika itu.

Bagaimanapun di kalangan pemimpin kaum seperti Tan Sri Temenggung Jugah, Penghulu Tawi Seli atau orang-orang Melayu di bawah pimpinan Tun Abang Haji Openg dan Datuk Bandar Abang Mustapha dari Parti Negara Sarawak (PANAS) mereka menerima gagasan Malaysia. Begitu juga pungutan suara di Singapura mendapati lebih 400,000 undi menyatakan sokongan, sementara 144,000 mengundi kertas kosong sebagai bantahan. Keputusan pungutan suara di Singapura lebih membanggakan dibandingkan dengan Brunei yang melancarkan pemberontakan di bawah pimpinan Syekh Ahmad Mohar Azahari (A M Azahari), Zaini Haji Ahmad dan Abang Zulkifli.

Tunku kemudiannya mendapat persetujuan Lee Kuan Yew dari Singapura menerima saranan kerajaan British di London bagi membentuk Suruhanjaya Penyiasat mengenai pungutan suara di Sabah, Sarawak dan Brunei mengenai pembentukan Malaysia. Dalam bulan Januari 1962, Suruhanjaya Penyiasat ini dibentuk dengan diketuai oleh Lord Cobbold dari Britain. Dalam membantu suruhanjaya berkenaan, Umno telah mengirim setiausaha agungnya ketika itu Tan Sri Ghazali bin Jawi ke Sarawak meninjau sokongan ketua-ketua kaum terhadap penubuhan Malaysia.

Tan Sri A Samad sebagai anggota biro politik Umno diarahkan ikut sama dalam rombongan Tan Sri Ghazali. Tugas mencabar yang ditempuhi oleh Tan Sri A Samad ialah terpaksa menaiki bot menungkah arus Sungai Sarawak hingga ke Sungai Rajang bagi membawa pemimpin-pemimpin kaum ke Kuala Lumpur. "Tan Sri Ghazali menunggu di pekan Kuching saja, manakala saya terus mudik sungai bagi menjalankan tugas yang telah diamanahkan oleh parti dan kerajaan," beritahu Tan Sri A Samad mengimbau kembali peristiwa beliau menungkah arus Sungai Sarawak dalam tahun 1962.

Tugas Tan Sri A Samad ke Sarawak bersama rombongan Umno, memang tidak banyak diketahui umum. Tetapi dalam pembentukan Malaysia, peranan yang dimainkan oleh Tan Sri A Samad adalah

sebagai usaha mendapatkan sokongan ketua-ketua kaum dalam pungutan suara bagi membolehkan Sarawak menyertai Malaysia. Memang misi Tan Sri A Samad ke Sarawak penting kepada sejarah penubuhan Malaysia, kerana ianya sebahagian daripada kandungan laporan Suruhanjaya Penyiasat yang diketuai oleh Lord Cobbold dari Britain.

Ketika berucap di Persidangan Persatuan Parlimen Persekemakmuran Daerah (*Commonwealth Parliamentary Association Regional Conference*) di Singapura, Tunku mencadangkan satu ikatan negara-negara di Asia Tenggara jajahan takluk British disatukan dalam bidang ekonomi dan politik. Cadangan Tunku mendapat sokongan Singapura dan negara-negara di Borneo, sebagai langkah mendapatkan kemerdekaan negara mereka menerusi Persekutuan Malaysia yang dicadangkan. Justeru akhir tahun 1961, mereka telah membentuk satu jawatankuasa dikenali Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (*Malaysia Solidarity Consultative Committee*).

Jawatankuasa tersebut dianggotai wakil-wakil dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei dengan dipengerusikan oleh Donald Stephen (Allahyarham, Tun Fuad Stephen, bekas Ketua Menteri Sabah). Proses pungutan suara bagi menerima pembentukan Malaysia, didahului oleh Singapura dengan mendapat mandat yang positif. Sementara negara-negara Borneo terjejas sedikit apabila berlaku pemberontakan di Brunei yang dilancarkan oleh Parti Rakyat Brunei, sekali pun api pemberontakan tersebut dapat dipadamkan oleh tentera British dan Komanwel dalam tempoh seminggu sahaja.

Penentangan PRB yang berhaluan kiri di Brunei mendapat sokongan parti-parti berhaluan kiri di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Sarawak. Ketika itu di Sabah tidak terdapat parti berhaluan kiri, kecuali dua buah parti politik sahaja paling berpengaruh iaitu Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO; kemudiannya dikenali UPKO - Pertubuhan Kadazan Rakyat Bersatu) pimpinan Donald Stephen dan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) yang diketuai oleh Tun Dato Mustapha bin Dato' Harun. SUPP di Sarawak ketika itu adalah parti berhaluan kiri yang menjadi sekutu Parti Rakyat pimpinan Dato' Ahmad Boestamam di Persekutuan Tanah Melayu dan Barisan Sosialis di Singapura di bawah pimpinan Lee Siew Choh.

Sebab itu pemberontakan yang dilancarkan oleh A M Azahari di Brunei bukanlah perkara remeh temeh, tetapi mempunyai kaitan dengan sekutunya. Dalam menangani isu penentangan di Persekutuan Tanah Melayu, Tunku mengambil langkah menguatkuasakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dengan menahan ahli-ahli Parti Rakyat termasuk Ahmad Boestamam yang juga Ahli Parlimen kawasan Setapak dalam tahun 1961 itu. Di Singapura pula Lee Kuan Yew menggunakan ISA juga bagi menahan ahli-ahli Barisan Sosialis termasuk ketuanya Lee Siew Choh.

Sarawak yang bersempadan dengan Brunei, tidaklah boleh dianggap kawasan selamat ketika Tan Sri A Samad menjalankan misi sulit ke negari berkenaan. Pemberontakan di Brunei yang bersempadan dengan Sarawak tidak berakhir sekali pun dapat dipatahkan oleh tentera British, kerana pengikut-pengikut PRB meneruskan perjuangan militan di hutan-hutan Kalimantan Utara dengan membentuk Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) yang diketuai oleh 'Jeneral' Abang Zulkifli. Di tengah ancaman tentera TNKU inilah Tan Sri A Samad menjalankan misi sulitnya ke Sarawak.

Misi Sulit Ke Sarawak

Sampai sahaja di bandar Kuching bersama rombongan yang diketuai oleh Tan Sri Ghazali Jawi selaku Setiausaha Agung Umno yang juga Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama ketika itu, Tan Sri A Samad menginap di hotel yang disediakan oleh kerajaan Sarawak. Sebagai anak kelahiran Negeri Sembilan, Tan Sri A Samad berpegang kepada perbilangan orang tua-tua *'kerja bertanggung, tak menjadi'* yang membawa maksud setiap tugas sekiranya mahu dilaksanakan, jangan memberi banyak alasan untuk mengelak diri sekali pun berhadapan dengan kesukaran.

Malah beliau juga yakin dengan perbilangan *'kalau hendak seribu daya, kalau tak hendak seribu dalih'*, apabila menerima amanah dalam misi ke Sarawak. Lebih-lebih lagi beliau mahu membalas kepercayaan Tun Razak yang melantiknya menganggotai biro politik Umno. Beliau tidak senang menginap di hotel berkenaan, selagi tugasnya belum selesai iaitu membawa pemimpin-pemimpin kaum ke Kuala Lumpur dalam misi sulit tersebut. "Tugas membawa pemimpin-pemimpin kaum secara berkelompok ke Kuala Lumpur hanya diketahui oleh beberapa orang pemimpin peringkat atasan sahaja," jelas Tan Sri A Samad apabila mengklasifikasikan tugasnya sebagai misi sulit.

Setelah berunding dengan beberapa orang rakannya di Sarawak, Tan Sri A Samad mengambil keputusan mudik Sungai Sarawak pada petang beliau sampai ke Kuching iaitu tidak perlu berihat sehari dua seperti dijadualkan. Beliau terpaksa menunggu bot enjin sangkut hingga hampir jam 7.00 petang, barulah urusan menyewa dapat dilakukan. Dengan menggunakan bot enjin sangkut itulah, Tan Sri A Samad ditemani rakannya dari Sarawak mudik sungai yang berarus deras itu, di samping terkenal dengan kemunculan buaya-buaya ganas menunggu mangsa.

“Beberapa kali bot tersebut terpaksa berhenti apabila enjinnya tersangkut sampah sarap tebal yang hanyut di tengah arus,” beritahu Tan Sri A Samad mengenai perjalanan di dalam kegelapan malam menyusur Sungai Sarawak. Dalam usianya baru mencecah 39 tahun ketika itu, Tan Sri A Samad tidak cemas apabila bot berkenaan terpaksa berhanyut bersama arus ketika pemandunya membersihkan enjin yang disangkuti sampah sarap. Bagaimanapun beliau memuji kecekapan pemandu bot berkenaan, yang mahir mengendalikan bot enjin sangkut semasa beberapa kali hampir terlanggar kayu balak yang hanyut.

Sepanjang perjalanan tersebut memang Tan Sri A Samad tidak bertembung dengan buaya-buaya ganas yang terkenal di Sarawak. Sekali pun tidak diganggu raptalia berkenaan, tetapi sampah sarap yang tersangkut boleh mematikan enjin sangkut bot itu pun sudah cukup menjadi cabaran. Kesukaran dalam menjalankan misi tersebut, sebenarnya tidak penting kepada beliau, sebaliknya bagi Tan Sri A Samad apa akan terjadi sekiranya gagal memujuk ketua-ketua kaum berkumpul di Kuching terlebih dahulu sebelum diterbangkan ke Kuala Lumpur?

Perjalanan menungkah arus Sungai Sarawak pada waktu malam itu berhenti juga singgah menyinggah di beberapa pengkalan setiap perkampungan. Beliau berhenti menemui ketua-ketua kaum di perkampungan terbabit bagi menyampaikan mesej kepada mereka mengenai tujuan turun ke bandar Kuching. Bersama rakan-rakan pemimpin tempatan dalam misi tersebut, beliau berjaya memujuk semua ketua-ketua kaum bagi mengadakan pertemuan di Kuching sebelum terbang ke Kuala Lumpur.

“Memang mudik Sungai Sarawak itu pengalaman pertama saya menaiki bot enjin sangkut, tetapi pemandu bot beritahu dia

bimbang sekiranya dilanggar kayu balak hanyut, sekiranya berlaku nescaya bot berkenaan boleh terbalik,” Tan Sri A Samad pernah menulis mengenai memoir beliau dalam misi sulit ke Sarawak ini. Beliau sampai di perkampungan paling jauh sekali dalam misi tersebut kira-kira jam 12.00 malam. Selepas semuanya selesai diatur barulah Tan Sri A Samad menghilir semula ke bandar Kuching bagi membuat laporan kepada Tan Sri Ghazali.

Sebelah paginya semua ketua-ketua kaum yang sudah dijemput hadir ke bandar Kuching, seterusnya mereka diterbangkan ke Kuala Lumpur pada hari tersebut juga. Mereka mewakili semua kaum-kaum di Sarawak memberikan mandat dalam pungutan suara kepada Suruhanjaya Penyiasat yang diketuai oleh Lord Cobbold. Peristiwa Tan Sri A Samad dihantar dalam misi sulit ke Sarawak ini, memang tidak banyak diketahui umum. Justeru dalam buku ‘Sejarah Nasionalisma Maphilindo’ oleh Amat Johari Moain (Penerbitan Utusan Melayu; Kuala Lumpur; 1969) hanya disebutkan:

“...Pada bulan Januari 1962 telah dibentuk satu Suruhanjaya Penyiasat - yang diketuai oleh Lord Cobbold, yang bertugas untuk menyiasat pendapat orang Borneo mengenai cadangan pembentukan negara Malaysia. Hasil dari penyiasatan yang teliti telah didapati dengan pasti bahawa rakyat di Borneo pada umumnya menyetujui langkah-langkah pembentukan Malaysia, dengan disertai oleh beberapa cadangan-cadangan lain lagi bagi memelihara kepentingan orang-orang di daerah Borneo Inggeris.

“Bila sudah didapati laporan yang lengkap dari Singapura dan negeri-negeri Borneo Inggeris mengenai persetujuan mereka dengan pembentukan negara Malaysia, kerja-kerja dan usaha-usaha dijalankan seterusnya bagi membentuk negara Malaysia itu, terutama dalam penyusunan perlembagaan negara, kedudukan status bagi negara-negara yang terlibat iaitu Singapura, Sarawak dan Sabah, hak-hak yang tertentu bagi negara-negara itu dan lain-lain lagi...”

Disebalik segala laporan Suruhanjaya Penyiasat itu adalah berkait rapat dengan misi sulit Tan Sri A Samad ke Sarawak bersama rombongan Tan Sri Ghazali. Dengan kerjasama pemimpin-pemimpin

negeri ketika itu, beliau berjaya membawa semua ketua-ketua kaum ke Kuching sebelum diterbangkan ke Kuala Lumpur. Bertolak dari sinilah segala laporan yang disediakan oleh Suruhanjaya Penyiasat mendapati mandat yang diterima dalam pungutan suara di Sarawak bagi menyertai penubuhan Malaysia bersama-sama Singapura dan Sabah.

Selepas Konfrantasi Sukarno

Konfrantasi yang dilancarkan oleh Presiden Sukarno di Indonesia terhadap penubuhan Malaysia bermula dengan penolakan referandum Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bertarikh 13 September 1963, bagi membolehkan negara baru Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963. Sukarno juga mengeneipikan Perjanjian Manila (*Manila Accord*) dalam bulan Ogos 1963 apabila ketiga-tiga negara Malaya (Persekutuan Tanah Melayu), Filipina dan Indonesia bersetuju mengadakan kerjasama serantau dalam gagasan yang dinamakan 'Maphilindo'.

Perjanjian Persahabatan Indonesia-Malaya yang dimetrai dalam tahun 1959 juga diketepikan oleh Sukarno apabila melancarkan konfrantasi. Filipina yang sebelumnya mengadakan kerjasama serantau dengan Malaya dan Thailand dalam pertubuhan ASA juga mengikut jejak Sukarno, tidak mahu mengiktiraf penubuhan Malaysia. Semasa konfrantasi sedang memuncak dalam tahun 1964, pilihanraya umum diadakan bagi mendapat baru kepada kerajaan Parti Perikatan (Umno-MCA-MIC) pimpinan Tunku.

Tan Sri A Samad dipilih semula oleh Umno bertanding mempertahankan kerusi ADUN kawasan Seri Menanti. Selepas menang dalam pilihanraya 1964 inilah Tan Sri A Samad dilantik menjadi Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan. Seperti dijelaskan sebelumnya, enam bulan selepas pilihanraya 1964 itu beliau telah dijemput menghadap ke Istana oleh Tuanku Munawir, bagi menyatakan rasa terkilan baginda kepada kerajaan negeri. Ketika itu baginda membuka rahsia sebenarnya, apabila baginda menolak permintaan Tun Razak untuk melantik Tan Sri A Samad menjadi Menteri Besar.

"Memang saya berasa bernasib baik tidak dilantik menjadi Menteri Besar, kerana sebagai ketua kerajaan negeri masalah paling rumit yang dihadapi ialah hubungan dengan istana," beritahu Tan Sri A Samad. Malah jelas beliau seterusnya, kalau ditakdirkan dalam



*"Angry Young Man" - menang pilihanraya pertama
1955 kawasan DUN Johol, tidak bertanding.*



*Ketika berusia 29 tahun, jadi pengapit pengantin kawan-kawan masih memanggilnya
"Abu Samah".*

tahun 1964 itu dilantik menjadi Menteri Besar, kemungkinan beliau tidak berpeluang untuk menjadi menteri kabinet. Tetapi perhatian yang diberikan oleh Tun Razak bagi melantiknya menjadi Menteri Besar, kemungkinan dengan prestasi kerja yang ditunjukkan oleh Tan Sri A Samad sebagai anggota biro politik Umno, serta keupayaan beliau menjalankan misi sulit ke Sarawak sebelum itu.

Bagaimanapun selepas perlantikan Menteri Besar dibuat ke atas Dr Mohd Said, memang Tun Razak sendiri memberitahu Tan Sri A Samad, pucuk pimpinan Pusat akan memastikan beliau dilantik menjadi Menteri Besar dalam pilihanraya seterusnya iaitu pada 1969. Perubahan politik yang bergolak selepas konfrantasi sebelum pilihanraya 1969 juga menutup peluang Tan Sri A Samad untuk menjadi Menteri Besar, kerana atas sebab-sebab kepentingan parti, Tun Razak mengubah pendiriannya dengan membawa Tan Sri A Samad bertanding di kerusi Parlimen kawasan Kuala Pilah.

Konfrantasi Sukarno ke atas Malaysia berakhir dengan perubahan politik di Indonesia sendiri apabila berlaku rampasan kuasa selama 17 jam dalam peristiwa 'Gestapu' pada subuh 1 Oktober 1965. Presiden Sukarno digulingkan oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) yang dipimpin Depo Neogoro Aidit (D N Aidit). Rampasan kuasa selama 17 jam yang mengorbankan enam orang jeneral Angkatan Tentera Darat Indonesia, memunculkan Major Jeneral Suharto memulihkan semula ketenteraman. Berikutan dengan tindakan pantas Suharto mematahkan rampasan kuasa tersebut, beliau dilantik menjadi Presiden Indonesia kemudiannya.

Suharto bersama Naib Presiden Sri Sultan Hamangku Buwono dan Menteri Luar Adam Malik memulihkan semula hubungan dengan Malaysia menerusi 'Perjanjian Bangkok' yang ditandatangani pada 11 Ogos 1966 di antara Tun Razak mewakili Malaysia dan Tun Adam Malik mewakili Indonesia. Dengan perubahan politik di Indonesia itu berakhirilah episod yang merugikan kedua-dua negara sepanjang tempoh konfrantasi itu menyebabkan kira-kira 700 tentera Indonesia dan 100 tentera Malaysia terkorban dalam pertempuran yang sia-sia.

Sementara perubahan politik di Filipina juga mengubah dasar tidak mengiktiraf Malaysia kepada menerimanya selepas Ferdinand Marcos memenangi pilihanraya dengan majoriti besar lebih satu juta, mengalahkan penyandang jawatan Macapagal. Perubahan senario politik di Asia Tenggara ini membabitkan juga Malaysia, apabila Singapura

yang sebelumnya kuat menyokong penubuhan Malaysia terpaksa keluar dalam bulan Ogos 1965, iaitu setahun sebelum pergolakan politik berlaku di Indonesia itu.

Lee Kuan Yew dan Singapura dianggap oleh pemerhati-pemerhati politik sebagai rakan yang menikam dari belakang, apabila parti pemerintah di Singapura, Parti Tindakan Rakyat (PAP) bertanding melawan calon-calon Parti Perikatan dalam pilihanraya 1964. Kelantangan suara Lee Kuan Yew sebagai rakan dalam pembentukan Malaysia juga terus menyinggung pemimpin-pemimpin di Kuala Lumpur dengan melabelkan sebahagiannya sebagai 'ultra nasionalis Melayu', malah menganggap orang Melayu juga mempunyai status sebagai kaum pendatang.

Di antara pemimpin Umno yang dirujuk oleh Lee Kuan Yew sebagai 'ultra nasionalis Melayu' termasuklah Tan Sri A Samad sendiri, selain daripada Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad (ketika itu Ahli Parlimen Kota Setar Selatan), Tan Sri Syed Jaafar Albar bin Syed Hassan Albar (Ahli Parlimen Johor Tenggara) dan Tun Syed Nasir Ismail (Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka). Di samping menjadi Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri A Samad juga merupakan Pengerusi Tetap Pergerakan Pemuda Umno ketika itu, sering membidas dasar 'Malaysian Malaysia' yang dicanangkan oleh Lee Kuan Yew.

Tan Sri A Samad memang kuat menentang dasar 'Malaysian Malaysia' yang dipelopori oleh Lee Kuan Yew. Sikap beliau konsisten menentang dasar tersebut, hingga pernah satu ketika dalam tahun 1980, DAP parti politik warisan PAP itu mengambil tindakan undang-undang terhadapnya apabila ucapan beliau dalam satu majlis di Jelebu, Negeri Sembilan dilaporkan oleh akhbar Utusan Melayu. Dasar yang dibawa oleh Lee Kuan Yew dianggap tidak relevan oleh Tan Sri A Samad berdasarkan fakta sejarah serta latar belakang imigran di negara ini.

Dalam tahun 1966 misalnya, ketika Tan Sri A Samad selaku Timbalan Menteri Besar menghadiri majlis perayaan ulang tahun ke 20 Umno yang dianjurkan oleh Umno bahagian Jelebu, sebelum memulakan ucapan beliau bertanya terlebih dahulu sama ada terdapat wakil MCA di situ atau tidak. Setelah diberitahu tidak ada wakil MCA hadir dalam majlis tersebut, barulah beliau memulakan ucapannya yang rata-rata dihadiri oleh sayap Pemuda. Umno bahagian Jelebu

ketika itu dipimpin oleh Datuk Aminuddin bin Abdul Manaf telah mengadakan perayaan tersebut selama dua hari, dengan acara kemuncaknya persembahan drama pentas oleh Pemuda Umno Cawangan Kampung Teriang yang diketuai oleh Cikgu Md Derus Haji Abdul Latiff.

Drama tersebut berjudul 'Ngah Tiban' karya dan arahan Dharmala N S dipentaskan di Rumah Umno lama (bangunan papan, terletak di jalan menuju ke Kampung Larong dan simpang ke Masjid Kuala Dulang) tidak mempunyai kaitan dengan sebarang sejarah di Negeri Sembilan, sebaliknya sebuah purbawara yang sarat mengisahkan perjuangan orang Melayu menentang penjajah. Kira-kira jam 4.00 petang Tan Sri A Samad tiba di Rumah Umno bagi menyampaikan ceramah, selepas ceramah Datuk Taha Talib pada jam 2.00 petang sebelum itu. Di sebelah paginya ceramah di sampaikan oleh Tan Sri Shariff Ahmad (bekas Menteri Pertanian) ketika itu selaku Setiausaha Politik kepada Menteri Pelajaran Tan Sri Khir Johari.

Ucapan Tan Sri A Samad kepada Pemuda Umno bahagian Jelevu ketika menyambut perayaan 20 tahun Umno tahun 1966 itu, sama dengan kertaskerja beliau dalam seminar ekonomi Pergerakan Pemuda Umno tahun 1980 yang berjudul 'Nasionalisma dan Dilema Politik Melayu: Dari Perspektif Sejarah dan Permasalahan Masa Depan'. Dalam petikan kertaskerja itu menyebut:

"...Orang-orang Cina bukan sahaja menjalankan perniagaan di bandar-bandar, malah memulakan perniagaan di kampung-kampung. Disebabkan dapat menguasai struktur budaya orang-orang Melayu, misalnya berbahasa Melayu dan berbudi bahasa, maka orang-orang Melayu telah menerima mereka dengan tidak menaruh apa-apa curiga. Malah orang-orang Melayu merasa bangga kalau bersahabat dengan mereka; bangga kerana orang-orang Cina memberi sumbangan kepada sumber kehidupan mereka..."

Seterusnya dalam ceramah Pemuda Umno di Jelevu tahun 1966 itu, Tan Sri A Samad membangkitkan kisah mengenai seorang peniaga Cina di kampungnya yang ramah mesra sepanjang berniaga di situ, tiba-tiba bertukar menjadi komander yang bengis sewaktu 'Bintang Tiga' merampas kuasa selama 14 hari dalam bulan Ogos 1945.

Peniaga Cina itu memaksa orang Melayu yang pernah berhutang 'di kedainya tetapi belum dilunaskan supaya menyapu dan membersihkan kedainya setiap hari. Malah secara biadap lelaki berkenaan mencero boh masuk ke kawasan istana meminta untuk menggunakan kereta rasmi Yang di-Pertuan Besar.

Mencari Tanah Leluhur

Tan Sri A Samad tidaklah terbabit dalam usaha damai hingga termetrainya 'Perjanjian Bangkok' yang ditandatangani di Jakarta oleh Tun Razak dan Tun Adam Malik pada 11 Ogos 1966. Sebagai pemimpin peringkat negeri beliau sekadar menjalankan perannya di Negeri Sembilan sahaja. Bagaimanapun perdamaian yang dicapai oleh kedua negara memberi ruang kepada beliau untuk menelusuri tanah leluhurnya di Tanah Datar, Sumatera Barat atau bahasa mudahnya: Minangkabau.

Hasrat beliau mahu menjejaki laluan nenek moyangnya merantau dari Minangkabau sebelum meneroka di Seri Menanti selepas merdeka telah terjejas berikutan ketegangan hubungan di antara Malaya (Malaysia)-Indonesia sejak 1961. Hubungan tersebut terus meruncing sehingga pilihanraya 1964, sebelum perjanjian damai itu ditandatangani dalam tahun 1966. Selepas senario politik kembali tenang antara kedua-dua negara, barulah Tan Sri A Samad kembali menghidupkan hasratnya mahu menjejakkan kaki ke tanah leluhur.

Bukanlah mudah bagi beliau mahu merintis jalan ke Minangkabau disebabkan tidak mempunyai sebarang hubungan di sana. Justeru beliau teringat kepada pepatah petitih orang tua-tua mengenai anak cucu mereka yang merantau, disebut:

*Kalau jadi engkau ke seberang
Yu beli belanak pun beli
Ikan parang beli dahulu
Kalau jadi engkau berdagang
Ibu cari sanak pun cari
Induk semang cari dahulu.*

Melalui seorang rakannya yang dikenali Ahmad Padang (nama sebenarnya Syeikh Muhammad bin Syeikh Hussain), beliau mula menjejakkan kaki ke Minangkabau pada 1 Januari 1968, iaitu ketika

cuti tahun baru. Ahmad Padang sebelumnya sudah menghubungi abangnya di Minangkabau bernama Ali yang mengaturkan pertemuan seorang pegawai tentera dikenali, Mejar Handoro. Memang Tan Sri A Samad belum mempunyai seorang kenalan pun di Sumatera Barat (atau disebut Minangkabau sahaja di Negeri Sembilan) ketika itu.

“Sewaktu tiba di lapangan terbang Tabin, di Padang saya hanya disambut oleh Ali dan Mejar Handoro sahaja,” jelas Tan Sri A Samad. Disebabkan kenalan baik Ali dalam kerajaan di Sumatera Barat hanya Mejar Handoro, justeru beliau menghubungi pegawai tentera berkenaan, sebagai titian seterusnya dalam menjalinkan sebarang hubungan. Malah kedatangan Tan Sri A Samad juga adalah secara peribadi, bukan mewakili kerajaan negeri. Bersama mengiringkan beliau dalam kunjungan pertama itu ialah Datuk Zainal Abidin bin Lati (ADUN kawasan Lenggeng), Nawawi bin Indek dan Abu Samah bin Kasah.

Beliau kemudiannya dibawa menginap di Hotel Aldila, hotel paling terkemuka di kota Padang buat masa itu. Seperkara yang berlaku ke atas dirinya ialah perasaan sebak yang tiba-tiba sahaja menusuk di hati, sebaik sahaja turun dari pesawat menjejakkan kaki di bumi Minangkabau. “Seolah-olah saya merasa bagaikan anak perantau yang baru pulang ke tanah air sendiri, ketika pertama kali menjejakkan kaki di tanah leluhur, malah tidak disedari air mata saya bergenang” beritahu Tan Sri A Samad kepada penulis apabila mengimbau kembali mengenai kunjungan beliau ke bumi Sumatera Barat dalam tahun 1968 itu.

Padang ibu kota Sumatera Barat merupakan destinasi pertama Tan Sri A Samad apabila berkunjung ke Minangkabau. Ali bersama Mejar Handoro seterusnya mengaturkan jadual pertemuan beliau dengan Walikota Padang (atau Datuk Bandar) ketika itu bernama Drs Achirul Yahya. Perkenalan dengan Drs Achirul Yahya inilah kemudiannya merintis jalan seterusnya kepada beliau untuk menjalinkan hubungan di antara Negeri Sembilan-Sumatera Barat dengan lebih bermakna. Hinggalah pada sekitar tahun 1970-an beliau menjadi gurauan di kalangan rakan-rakannya kerana dianggap mempunyai ‘seorang isteri’ lagi di Ranah Minang apabila sering berulang alik ke sana.

Minangkabau Terkenang Jua

Kenapa Tan Sri A Samad sering berulang alik ke Minangkabau, malah dikatakan menjalankan perniagaan perkhidmatan feri bagi mencari keuntungan peribadi? Sebaliknya kalau ditanyakan kepada beliau, Tan Sri A Samad sekadar tersenyum sahaja. Atau beliau akan memberitahu disebabkan terpesona dengan keindahan tempat-tempat menarik di Minangkabau seperti Danau Maninjau, Danau Singkarak, Ngarai Sihanuk dan Lembah Anai.

Benarkah tanggapan rakan-rakan bahawa Tan Sri A Samad melihat 'isteri seorang' lagi atau penjelasan beliau kerana terpesona dengan keindahan Ranah Minang sekitar tahun 1970-an, terutama ketika beliau bertugas di bawah kementerian yang diketuai oleh Tun Razak? Sebenarnya banyak rahsia di sebalik hubungan rapat Tan Sri A Samad dengan Tun Razak selaku ketuanya, setelah beliau berpindah ke Kuala Lumpur selepas pilihanraya 1969.

Tetapi selepas berakhirnya konfrantasi Sukarno ke atas Malaysia, Tan Sri A Samad lebih berperanan di Negeri Sembilan, malah dianggap sebagai arkitek politik Umno di peringkat negeri ketika itu. Pergolakan politik di Negeri Sembilan sekitar 1960-an adalah dikaitkan dengan peranan beliau yang dituduh mempunyai percaturan tersendiri.

Bagaimanapun Tan Sri A Samad tidak menolak tanggapan kebanyakan ADUN Umno di Negeri Sembilan ketika itu merupakan penyokong beliau. Malah ADUN Tampin yang berpengaruh di bahagian Rembau-Tampin, Taha Talib adalah anak didiknya yang dibawa bertugas mengendalikan 'Suara Negeri' (sekarang 'Berita Negeri', lidah rasmi kerajaan Negeri Sembilan), sebelum bertanding dalam pilihanraya 1959. Begitu juga ADUN bagi kawasan Lenggeng di Seremban, Zainal Abidin Lati dan Ahmad bin Abdul Manaf (ADUN Labu) juga ditonjolkan oleh beliau bertanding dalam tahun 1964.

Sementara rakan-rakannya di Kuala Pilah seperti Ariffin Ali (ADUN Pilah), Abdul Kadir Abdullah (ADUN Ulu Muar), Safiah Talib (ADUN Johol) dan Mohd Idris Matsil (Ahli Parlimen Jekebu-Jempol) merupakan rakan akrabnya yang sentiasa memberi sokongan dalam setiap pergolakan politik di Negeri Sembilan. Kedudukan beliau sebagai Timbalan Menteri Besar boleh dianggap mantap dalam kepimpinan Umno Negeri Sembilan, sekali pun Ketua Perhubungannya dipegang oleh Senu Abdul Rahman wakil dari Pusat dan Timbalan Ketua Perhubungan pula Menteri Besar sendiri, Dr Mohd Said.

Hubungan rapat Tan Sri A Samad dengan peringkat akar umbi, disebabkan tugasnya banyak berdamping dengan orang ramai. Dalam wawancara dengan ahli veteran Umno di Seri Menanti, Encik Hashim bin Abdullah (sekarang ahli perniagaan di Seremban) ketika terbabit sebagai penyokong Tan Sri A Samad dalam kempen pilihanraya 1955 menjelaskan, beliau ikut sama memikul bateri dan pembesar suara menyeberang sawah. Hashim yang pernah menjadi pembantu politik Tan Sri A Samad juga mengakui disebabkan hubungan rapatnya, beliau juga tidak disenangi oleh kerabat diraja.

“Semasa Tan Sri A Samad menjadi Timbalan Menteri Besar, saya selalu ikut sama ke kampung-kampung, malah kadangkala saya memandu kereta, kadangkala macam pengapit (pengawal peribadi),” beritahu Hashim mengenai pengalaman di peringkat awal perjuangan mereka. Dalam perjalanan berulang alik dari Seri Menanti ke Seremban, Hashim sentiasa sahaja diajak sama, malah diberikan permit memiliki pistol.

Justeru menurut Hashim, kalau berhenti minum di mana-mana Tan Sri A Samad tidak memilih tempat sama ada gerai di tepi jalan atau di kaki lima kedai. Menjadi kegemaran Tan Sri A Samad pula apabila minum teh petang, beliau mahukan goreng pisang. Hashim terpaksa mencari gerai goreng pisang terlebih dahulu sekiranya gerai tempat mereka berhenti tidak menjualnya.

Hingga sekarang pun menurut pemandunya Encik Sharkawi, beliau akan berhenti di gerai goreng pisang Jalan Gurney (Jalan Semarak) dalam perjalanan balik ke rumah sekiranya sudah jam 3.00 petang. Pernah berlaku ketika berkunjung ke Bukittinggi di Sumatera Barat dalam tahun 1992, Tan Sri A Samad merungut kerana gerai-gerai di sana tidak menjual goreng pisang.

Pemilik Hotel Pangeran di kota Padang juga akan menyediakan goreng pisang apabila Tan Sri A Samad menginap di hotel berkenaan setiap kali berkunjung ke sana. Sebenarnya di Sumatera Barat, goreng pisang bukanlah makanan yang popular, justeru sukar mahu mendapatkan goreng pisang sekiranya berkunjung ke Padang atau ke Bukittinggi. Bagi pemilik Hotel Pangeran pula, beliau akan menyediakan goreng pisang khas untuk Tan Sri A Samad dengan dicecah madu lebah.

Sebagai anak kampung yang berjaya menduduki kerusi Timbalan Menteri Besar, sikap beliau tidak berubah dengan kejayaan

yang dicapainya. Menurut Hashim lagi, kadangkala Tan Sri A Samad akan berhenti apabila ternampak gerai menjual petai di tepi jalan. Beliau berhenti sekadar membeli seikat petai sahaja, di samping bertanya khabar kepada mereka.

Pendekatan yang dibuat oleh Tan Sri A Samad dalam memenangi hati penyokong peringkat akar umbi inilah menjadikan beliau popular di kalangan ahli Umno di Negeri Sembilan.

Kunjungan beliau ke Sumatera Barat mencari tanah leluhur buat pertama kali awal 1968 itu, menjadikan kedudukan Tan Sri A Samad lebih popular di kalangan masyarakat Minangkabau sebagai pemimpin kerajaan negeri.

Dalam bulan Oktober 1968, selaku Naib Presiden Persatuan Bola Sepak Melayu Malaysia, Tan Sri A Samad mengetuai rombongan ke Medan bagi mengadakan perlawanan bola sepak persahabatan. Sekali lagi beliau bertemu Wali Kota Padang, Drs Achirul Yahya yang kebetulan berkunjung ke Medan di samping menyaksikan perlawanan persahabatan bola sepak tersebut.

Pertemuan secara kebetulan di gelanggang bola sepak di Medan itulah, memulakan era baru dalam hubungan Sumatera Barat-Negeri Sembilan. Mereka berdua secara peribadi merancang mengadakan persembahan kebudayaan Minangkabau di Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Seremban dan Melaka. Drs Achirul Yahya berbincang dengan Gabenor Sumatera Barat, Bapak Harun Zain, sementara Tan Sri A Samad memanjangkan cadangan tersebut kepada Menteri Besar dan Exco kerajaan negeri di Negeri Sembilan.

Persembahan kebudayaan Minangkabau ini kemudiannya dikenali sebagai misi muhibbah, iaitu pertama kali menyusul selepas konfrantasi Sukarno ke atas Malaysia. Perbincangan Tan Sri A Samad dengan Drs Achirul secara peribadi pada mulanya, bertukar kepada acara nasional. Rombongan misi muhibbah tersebut membuat persembahan pertama di Seremban pada 1 November 1968 diikuti di Melaka pada 8 November 1968 dan di Kuala Lumpur pada 11 November 1968.